

Permohonan reman terhadap isteri lelaki didakwa menggaji wanita Indonesia tanpa gaji ditolak

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menolak permohonan reman terhadap isteri seorang lelaki yang didakwa menggajikan seorang wanita warga Indonesia dan memaksanya bekerja tanpa gaji selama kira-kira 13 tahun, lebih lapan tahun lalu.

Pemohonan reman itu dibuat bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM).

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menolak permohonan pegawai penyiasat ASP Mohd Hafiz Lokman selepas meneliti hujahan yang dikemukakan oleh peguam bela suspek Dato Shankar Ram Asnani.

Shankar dalam hujahnya berkata, siasatan kes itu bertarikh 26 Julai 2016, apabila kedua-dua suspek dan wanita warga Indonesia (yang didakwa mangsa dan pengadu), pertama kali dibawa ke mahkamah oleh polis.

Beliau menegaskan siasatan sepatutnya selesai dalam beberapa hari dari tarikh itu dan sebarang kelewatan berterusan sepanjang lapan tahun lalu menyebabkan permohonan reman semasa pada asasnya cacat dan menindas.

Shankar berhujah pengadu telah dihantar pulang ke Indonesia dan kenyataannya akan menjadi prasyarat yang diperlukan untuk siasatan diteruskan.

Tambahnya lagi tanpa mengesahkan sama ada kenyataan sedemikian direkodkan, pihak pendakwaan tidak dapat mewajarkan dengan munasabah melanjutkan siasatan.

Beliau seterusnya berhujah bahawa suspek telah bekerjasama dengan polis sejak awal dan masih boleh dihubungi melalui rakan dan keluarga tempatan.

Shankar juga menekankan bahawa pengadu telah mengenal pasti suami suspek—dirujuk sebagai 'tauke'—sebagai majikan sebenar dan dia diketahui berada di China sejak 2016.

Oleh itu, Shankar berkata alasan pendakwaan untuk reman, yang menyebut keperluan untuk mengesan suami, tidak sah.

Beliau berhujah, pihak berkuasa mempunyai saluran perundangan alternatif seperti laluan diplomatik atau mekanisme INTERPOL untuk mengesan suami dan bukannya bergantung kepada proses reman terhadap suspek.